



KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN

# 2017

## LAPORAN TAHUNAN COB PBT

CAWANGAN PENGURUSAN STRATA

Kualiti Pengurusan      Program Aktiviti  
Aduan      Penguatkuasaan  
Pemerkasaan      Skim Pemajuan


# LAPORAN TAHUNAN COB PBT **2017**

**CAWANGAN  
PENGURUSAN  
STRATA**

©KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
Hak Cipta Terpelihara 2016

[www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
[pro@kpkt.gov.my](http://pro@kpkt.gov.my)  
[www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
[www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senashkhan terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada KPKT.



## Kandungan

<b>Kualiti Penyampaian Perkhidmatan</b>	00
Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 1	00
Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 2	00
Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 3	00
<b>Keberkesanan Pelaksanaan</b>	00
Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 1	00
Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 2	00
Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 3	00
Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 4	00
<b>Ringkasan Mengikut Negeri</b>	00
<b>Senarai Jadual</b>	00
<b>Akronim dan Terminologi</b>	00
<b>Latar Belakang</b>	00
<b>Objektif</b>	00
<b>Kualiti Kehidupan Penghuni Bangunan Berstrata</b>	00
Kualiti Pengurusan Kategori 1	00
Kualiti Pengurusan Kategori 2	00
Kualiti Pengurusan Kategori 3	00
Kualiti Pengurusan Kategori 4	00
<b>Pemerkasaan Penghuni Strata (Empowerment)</b>	00
Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 1	00
Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 2	00
Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 3	00
<b>Lampiran</b>	00
<b>Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata COB PBT</b>	00
<b>Mesyuarat Penyelaras COB di PBT 2017</b>	00

## Senarai Jadual

Lampiran	Jadual	Senarai Jadual
1	1	Keterangan Jenis Kesalahan mengikut Seksyen yang diperuntukan dalam Akta 757
	2	Kesalahan-Kesalahan Di Bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015
2	3	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 1
	4	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 1
	5	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 1 (Akta 757)
	6	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 1
3	7	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 2
	8	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 2
	9	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 2 (Akta 757)
	10	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 2
4	11	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 3
	12	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 3
	13	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 3 (Akta 757)
	14	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 3

Lampiran	Jadual	Senarai Jadual
5	15	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 4
	16	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 4
	17	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 4 (Akta 757)
	18	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 4
6	19	Bilangan Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata mengikut Negeri Tahun 2016

## Akronim Dan Terminologi

No.	Akronim	Keterangan
1.	KB	Kesejahteraan Bandar
2.	BPP	Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
3.	COB	Commissioner of Building (Pesuruhjaya Bangunan)
4.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
5.	JMB	Joint Management Body (Badan Pengurusan Bersama)
6.	MC	Management Corporation (Perbadanan Pengurusan)
7.	COB Kategori 1	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
8.	COB Kategori 2	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 10,000 petak dan kurang daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
9.	COB Kategori 3	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 3,000 petak tetapi kurang daripada 10,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
10.	COB Kategori 4	Kawasan yang mempunyai bilangan petak kurang daripada 3,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
11.	Kawasan Pemajuan	Mana-mana tanah diberi hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik muktamad (sama ada hak- milik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) yang di atasnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk pecah bagi kepada petak dibina atau sedang dalam pembinaan.

## Latar Belakang

Laporan tahunan COB PBT 2017 ini merupakan laporan tahunan kelapan yang disediakan bermula pada tahun 2010. Kini, terdapat lebih kurang 6.8 juta orang tinggal dalam 1.7 juta petak (parcel) sama ada di bangunan bertingkat atau di atas tanah berstrata.

Angka ini terus meningkat saban tahun, namun tidak semua penduduk strata dapat menikmati mutu pengurusan yang tinggi dan memuaskan hati.

Daripada pemerhatian yang dilaksanakan, penduduk strata kini semakin moden dan kompleks serta semakin memahami keperluan untuk mempunyai pengurusan yang berkesan. Walau bagaimanapun masih terdapat banyak bangunan berstrata yang tidak dapat diuruskan dengan

baik dan memuaskan walaupun untuk memenuhi tahap keperluan asas pengurusan yang baik seperti kebersihan, keselamatan dan persekitaran.

Program pendidikan strata yang dijalankan di seluruh negara diharapkan berjaya mendedahkan dan memberikan tahap pengetahuan serta kesedaran secukupnya untuk menjadikan mereka penduduk strata yang prihatin dan penuh tanggungjawab.

Kementerian adalah komited dalam memastikan pelaksanaan pengurusan strata yang berkesan dan lebih komprehensif bagi memastikan penduduk strata di negara dapat menikmati kualiti kehidupan berstrata yang lebih baik.

### TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KESEJAHTERAAN BANDAR)

BAHAGIAN  
KESEJAHTERAAN BANDAR

BAHAGIAN  
PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN

BAHAGIAN PEMBERI  
PINJAM WANG DAN  
PEMEGANG PAJAK GADAI

CAWANGAN PENYELENGGARAAN  
RUMAH KOS RENDAH AWAM

CAWANGAN PENGURUSAN STRATA

CAWANGAN PENYELENGGARAAN  
RUMAH KOS RENDAH SWASTA


UNIT KHIDMAT SOKONGAN  
DAN PEMANTAUAN

UNIT PEMBANGUNAN  
KOMUNITI STRATA

## Akta 757

Terdapat lebih 20,000 skim pemajuan strata di Seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Ini termasuklah kondominium, apartment, rumah flat, rumah kedai, 'town house' serta 'landed strata'. Semua pemajuan berstrata ini dikawal di bawah satu perundangan iaitu Akta Pengurusan Strata 2013. Akta ini berperanan dalam menyediakan satu rujukan dan panduan yang seragam berhubung penyenggaraan dan pengurusan sesebuah pemajuan berstrata. Akta 757 ini telah menggantikan Akta 663 Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan) 2007 yang telah dimansuhkan pada 2015

KPKT bertindak sebagai 'custodian' kepada Akta 757 bagi memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berkaitan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama. Dari segi penguatkuasaan dan kawalselia skim strata pula terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkusa Negeri (PBN) dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT). Antara perkara yang dikawal selia dibawah Akta 757 adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 (Lampiran 1).




## Objektif

Kualiti hidup penduduk strata amat berkait rapat dengan kualiti pengurusan bangunan. Oleh itu objektif laporan ini adalah untuk memantau tahap pengurusan yang terdapat di seluruh negara. Selain daripada itu, pemantauan juga dibuat terhadap jumlah aduan yang diterima, jumlah penubuhan JMB/MC dan jumlah penguatkuasaan yang diambil mengikut kawasan Pihak Berkusa Tempatan. Hasil laporan ini diharap dapat membantu Pesuruhjaya Bangunan di PBT merangka strategi dan pelan tindakan dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan.

## Kualiti Kehidupan Penghuni Bangunan Berstrata

Kualiti kehidupan penghuni bangunan berstrata adalah merujuk kepada penilaian kualiti pengurusan kawasan pemajuan berstrata. Penilaian yang dilaksanakan oleh COB di PBT adalah secara persampelan di mana sebanyak 8,275 kawasan pemajuan telah dinilai bagi tahun 2017. Aspek kualiti yang dinilai adalah merujuk kepada kewangan, penyenggaraan, pentadbiran, pematuhan undang-undang, sokongan penduduk, pengurusan keselamatan dan pengurusan risiko.

Berdasarkan penilaian yang dibuat, sejumlah 4,156 (50%) memperoleh penarafan 1 bintang, 1,501 (18%) 2 bintang, 1,796 (22%) 3 bintang, 723 (9%) 4 bintang dan 99 (1%) sahaja yang memperoleh penarafan 5 bintang seperti pada Carta 1.



## Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 1

COB PBT Kategori 1 mempunyai sejumlah 16,369 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, hanya 6,053 (37%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 2. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang 78 (1.3%), 4 bintang 533

## Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 2

COB PBT Kategori 2 mempunyai sejumlah 2,034 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,161 (82%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 3. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang 2 (0.1%), 4 bintang 95

(5.7%), 3 bintang 91 (5.5%), 2 bintang 224 (13.5%) dan 1249 (75.2%) 1 bintang seperti pada Carta 3. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 10 (Lampiran 3).

## Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 3

COB PBT Kategori 3 mempunyai sejumlah 868 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, hanya 391 (45%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 4. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang 18 (4.6%), 4 bintang 73

(18.7%), 3 bintang 146 (37.3%), 2 bintang 60 (15.3%) dan 94 (24.1%) 1 bintang seperti pada Carta 4. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 14 (Lampiran 4).

## Prestasi Kualiti Pengurusan COB PBT Kategori 4

COB PBT Kategori 4 mempunyai sejumlah 1,673 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, hanya 175 (10%) kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada Carta 5. Jumlah kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang 1(0.6%), 4 bintang 20

(11.4%), 3 bintang 54 (30.3%), 2 bintang 29 (16.0%) dan 72 (41.1%) 1 bintang seperti pada Carta 5. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 4 adalah seperti di Jadual 18 (Lampiran 5).

## Pemerkasaan Penghuni Strata (Empowerment)

Pemerkasaan penghuni strata adalah merujuk kepada penubuhan JMB/MC melalui mesyuarat agung tahunan. Mesyuarat agung ini memberi peluang kepada semua penduduk untuk memilih wakil-wakil penduduk dari jawatan kuasa pengurusan yang dikenali sebagai JMB/MC (Akta 757 /663/318). Antara perkara yang dibincangkan

dalam mesyuarat agung melibatkan proses keputusan berkenaan kewangan, undang-undang dan keharmonian penduduk secara keseluruhannya. Tahun 2017 menunjukkan sejumlah 9,142 (44.7%) daripada jumlah keseluruhan 20,441 kawasan pemajuan berstrata telah menujuhkan JMB/MC seperti pada Carta 6.

## Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan COB PBT Kategori 1

COB PBT Kategori 1 mempunyai sejumlah 16,369 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Kategori 1 menunjukkan 8,117 (49.6%) JMB/MC telah ditubuhkan seperti pada Carta 7. Walau bagaimanapun, masih terdapat 8,252 (50.4%)

kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 1 adalah seperti di Jadual 3 (Lampiran 2).

## Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan COB PBT Kategori 2

COB PBT Kategori 2 mempunyai sejumlah 2,034 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Kategori 2 menunjukkan 767 (37.7%) JMB/MC telah ditubuhkan pada tahun 2017 seperti pada Carta 8. Walau bagaimanapun, masih terdapat

1,267 (62.3%) kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 2 adalah seperti di Jadual 7 (Lampiran 3).

## Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan COB PBT Kategori 3

COB PBT Kategori 3 mempunyai sejumlah 868 kawasan pemajuan pada tahun 2017. Kategori 3 menunjukkan 373 (42.9%) JMB/MC telah ditubuhkan pada tahun 2017 seperti pada Carta 9. Walau bagaimanapun, masih terdapat

495 (57.1%) kawasan pemajuan yang perlu menubuhkan JMB/MC. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 3 adalah seperti di Jadual 11 (Lampiran 4).

## Kualiti Penyampaian Perkhidmatan

Kualiti penyampaian perkhidmatan adalah merujuk kepada jumlah aduan diterima yang berjaya diselesaikan oleh COB PBT. Pada tahun 2017, sebanyak 16,680 aduan telah diterima. Sejumlah 16,653 (99%) daripada jumlah aduan

tersebut berjaya diselesaikan. Carta 10 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut jenis, manakala Carta 11 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut Kategori COB PBT.

## Jumlah Aduan Mengikut Tahun 2013 – 2017

Jumlah penerimaan aduan tertinggi dalam tempoh lima tahun (2013-2017) adalah sejumlah 19,336 pada tahun 2015. Perbandingan jumlah aduan diterima pada tahun

2013 dan 2017 (13,602) menunjukkan peningkatan sebanyak 3078 aduan. Pola jumlah penerimaan aduan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti Carta 12.

## Bilangan Dan Jenis Aduan Yang Diterima COB PBT Kategori 1

Pada tahun 2017, sebanyak 14,103 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di Carta 13. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori 1 adalah

Penyenggaraan dan Kerosakan (22.6%). Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 4 (Lampiran 2).

## Bilangan Dan Jenis Aduan Yang Diterima COB PBT Kategori 2

Pada tahun 2017, sebanyak 1,555 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di Carta 14. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori 2 adalah

Penguatkuasaan COB (25.1%) Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 8 (Lampiran 3).

## Bilangan Dan Jenis Aduan Yang Diterima COB PBT Kategori 3

Pada tahun 2017, sebanyak 553 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di Carta 15. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori 3 adalah

Khidmat nasihat (49.2%). Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 12 (Lampiran 4).

## Keberkesanan Pelaksanaan Penguatkuasaan Akta 757

Keberkesanan pelaksanaan adalah merujuk kepada tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh COB PBT. Pada tahun 2017, sebanyak 9,939 jenis tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh COB PBT. Daripada 9 jenis kesalahan (Jadual 4, Lampiran 1) yang boleh diambil tindakan, 67.4% adalah di bawah Seksyen 34(3)

(Kegagalan pembeli / pemunya petak mematuhi notis yang menuntut pembayaran jumlah wang yang kena bayar dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh notis diterima). Statistik penguatkuasaan mengikut Kategori seperti pada Carta 16.



## Ringkasan Mengikut Negeri

Wilayah Persekutuan	Jumlah Skim Strata	
	20,441 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 99	JMB - 3,075	
4 ★★★★ = 723	MC - 6,067	
3 ★★★ = 1,796	PEMAJU - 7,507	
2 ★★ = 1,501	EJEN - 405	
1 ★ = 4,156		

Seluruh Negara	Jumlah Skim Strata	
	876 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 0	JMB - 85	
4 ★★★★ = 8	MC - 245	
3 ★★★ = 26	PEMAJU - 534	
2 ★★ = 93	EJEN - 5	
1 ★ = 93		

Selangor	Jumlah Skim Strata	
	7,979 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 32	JMB - 1,413	
4 ★★★★ = 215	MC - 970	
3 ★★★ = 443	PEMAJU - 3,584	
2 ★★ = 719	EJEN - 358	
1 ★ = 2,354		

Pulau Pinang	Jumlah Skim Strata	
	2,355 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 15	JMB - 444	
4 ★★★★ = 181	MC - 859	
3 ★★★ = 585	PEMAJU - 831	
2 ★★ = 114	EJEN - 32	
1 ★ = 18		

Kedah	Jumlah Skim Strata	
	181 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 5	JMB - 25	
4 ★★★★ = 7	MC - 26	
3 ★★★ = 7	PEMAJU - 126	
2 ★★ = 10	EJEN - 0	
1 ★ = 11		

Melaka	Jumlah Skim Strata	
	574 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 3	JMB - 168	
4 ★★★★ = 30	MC - 115	
3 ★★★ = 46	PEMAJU - 276	
2 ★★ = 51	EJEN - 7	
1 ★ = 106		

Negeri Sembilan	Jumlah Skim Strata	
	574 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 0	JMB - 85	
4 ★★★★ = 8	MC - 245	
3 ★★★ = 26	PEMAJU - 534	
2 ★★ = 93	EJEN - 5	
1 ★ = 93		

Pahang	Jumlah Skim Strata	
	208 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 11	JMB - 82	
4 ★★★★ = 30	MC - 89	
3 ★★★ = 69	PEMAJU - 27	
2 ★★ = 12	EJEN - 0	
1 ★ = 46		

Perak	Jumlah Skim Strata	
	905 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 0	JMB - 71	
4 ★★★★ = 8	MC - 159	
3 ★★★ = 32	PEMAJU - 142	
2 ★★ = 48	EJEN - 2	
1 ★ = 131		

Terengganu	Jumlah Skim Strata	
	70 skim	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 2	JMB - 16	
4 ★★★★ = 5	MC - 19	
3 ★★★ = 31	PEMAJU - 24	
2 ★★ = 14	EJEN - 0	
1 ★ = 17		

Kelantan	Jumlah Skim Strata	
	7,186 unit	Bilangan petak
Kualiti Pengurusan Kawasan Skim Strata (Star Rating)		Pihak Pengurusan
5 ★★★★★ = 0	JMB - 16	
4 ★★★★ = 5	MC - 7	
3 ★★★ = 29	PEMAJU - 15	
2 ★★ = 2	EJEN - 0	
1 ★ = 0		

## Aktiviti Cawangan Pengurusan Strata

### Konvensyen JMB/MC Peringkat Kebangsaan

Konvensyen JMB/MC telah diadakan pada 7 Oktober 2017 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konvensyen tersebut telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan disertai dalam 1000 orang peserta yang terdiri daripada Pesuruhjaya Bangunan (COB) di pihak berkuasa tempatan, badan pengurusan strata (JMB/MC), NGO dan pemimpin tempatan di Selangor.

Konvensyen ini yang julung kalinya diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada JMB/MC mengenai kepentingan pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata terhadap kualiti kehidupan penghuni.

Penganjuran konvensyen ini merupakan salah satu medium kepada JMB/MC untuk memahami hak dan tanggungjawab serta mempelajari kaedah pengurusan strata yang terbaik.

Selain itu, Konvensyen ini juga dapat memberi peluang kepada JMB/MC untuk berhimpun, bertukar-tukar pandangan dan pendapat serta membentuk jaringan hubungan sesama JMB/MC dengan lebih baik. Pengisian program bagi Konvensyen ini adalah seperti berikut:

- Ceramah daripada Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah Universiti Teknologi MARA berkenaan pemerkasaan masyarakat bandar melalui pemakaian Akta 757;
- Ceramah daripada Presiden Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata (TPS) berkenaan peranan yang dimainkan oleh TPS

- Ceramah best practices daripada penasihat JMB Prima Cempaka-1 yang berjaya menguruskan skim strata;
- Ceramah daripada Pengarah, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Kajang berkaitan tatacara sitaan harta alih penghuni;
- Pameran berkaitan pengurusan dan penyenggaraan skim strata, keselamatan awam, badan pengurusan serta agensi kerajaan;
- Sesi townhall oleh YB Menteri KPKT bagi mendapatkan pandangan dan menyelami isu-isu pengurusan di skim strata daripada JMB/MC; dan
- Program penyampaian Geran Badan Pengurusan JMB/MC untuk pembelian/ pelaksanaan program-program keselamatan, kebersihan dan penyenggaraan.

Selain itu, pelancaran buku Handbook Pengurusan Strata juga turut dilaksanakan di konvensyen tersebut. Buku tersebut menerangkan perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta 757 melalui infografik yang ringkas dan padat serta mudah difahami oleh JMB/MC dan penghuni di skim strata.



Majlis Penyampaian Geran Badan Pengurusan semasa Konvensyen JMB/MC pada 7 Oktober 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



Sesi townhall semasa Konvensyen JMB/MC pada 7 Oktober 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



Peserta-peserta Konvensyen JMB/MC pada 7 Oktober 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

## Seminar Pengurusan Strata

KPKT dengan kerjasama Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di pihak berkuasa tempatan seluruh negara telah menganjurkan 31 siri seminar pengurusan strata di seluruh negara sepanjang tahun 2017 dengan dihadiri lebih daripada 2530 orang peserta.

Seminar tersebut diadakan bagi memberi pendedahan dan pengenalan kepada komuniti strata termasuklah penduduk, pemaju dan ahli jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama serta Perbadanan Pengurusan

berkenaan tanggungjawab dan kepentingan pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama yang berkualiti.

Antara topik yang disampaikan adalah berkenaan Akta Pengurusan Strata 2017, pengurusan kewangan dan audit, integriti dalam pengurusan dan penyenggaraan, penyenggaraan teknikal serta peranan Tribunal Pengurusan Strata. Bilangan seminar dan jumlah peserta adalah seperti di Jadual 18 (Lampiran 16).

## Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan Di PBT 2017

TARIKH : 13 APRIL 2017 (KHAMIS)

MASA : 9.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN KRISTAL, KPKT

Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan Di PBT 2017 merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan pada setiap tahun. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyelaras pelbagai perkara antara unit-unit COB di seluruh PBT.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 71 ketua unit dan wakil daripada unit COB di PBT setiap negeri. Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai Geran Badan Pengurusan. Kabinet telah memutuskan agar KPKT bekerjasama dengan pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS) di bawah Kementerian Dalam Negeri secara NBOS bagi membolehkan JMB/MC terlibat dalam program pemberian geran kepada persatuan penduduk. KPKT juga telah menyediakan garis panduan perolehan bagi

badan pengurusan selari dengan cadangan SPRM agar KPKT menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) berkaitan perolehan bagi membantu membanteras segala bentuk rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Antara kertas yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut adalah

- 'Pemfailan Jadual Petak' oleh unit COB Pulau Pinang
- 'Starter Kit Badan Pengurusan Strata' oleh Unit COB Kajang
- 'Garis Panduan Pembiayaan Geran kepada Badan Pengurusan' oleh Cawangan Pengurusan Strata
- 'Garis Panduan Perolehan Badan Pengurusan' oleh Cawangan Pengurusan Strata
- 'Laporan Unit Penguatkuasaan' oleh Cawangan Pengurusan Strata
- 'Laporan Pelaksanaan Program Pendidikan Dan Kesedaran Komuniti' oleh Cawangan Pengurusan Strata

## Lawatan Kerja Cawangan Pengurusan Strata Ke Unit Pesuruhjaya Bangunan Di Pihak Berkuasa Tempatan (COB Di PBT)

Sebanyak lapan lawatan telah dilakukan pada tahun 2017. Lawatan kerja ini meliputi semua kategori COB dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Tujuan lawatan kerja ini dijalankan adalah seperti berikut :

- (i) untuk mewujudkan hubungan erat di antara Unit COB di PBT dengan Cawangan Pengurusan Strata, KPKT;

- (ii) untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh Unit COB di PBT; dan
- (iii) untuk melihat penambahbaikan / inovasi yang dilaksanakan di Unit COB di PBT.

Bilangan lawatan kerja yang telah diadakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut :

Bil.	COB di PBT	Tarikh Lawatan
1	Majlis Perbandaran Port Dickson	01.03.2017
2	Majlis Daerah Tapah	20.03.2017
3	Majlis Daerah Cameron Highlands	21.03.2017
4	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	12.05.2017
5	Majlis Perbandaran Taiping	15.08.2017
6	Majlis Perbandaran Manjung	16.08.2017
7	Majlis Perbandaran Alor Gajah	29.08.2017
8	Majlis Daerah Kuala Langat	28.11.2017

### Gambar Sepanjang Lawatan




Lawatan ke COB MD Tapah



Lawatan ke MD Cameron Highlands




Lawatan ke COB MB Melaka Bersejarah



Lawatan ke COB MP Taiping



Lawatan ke COB MP Manjung



Lawatan ke COB MD Kuala Langat



## Kursus Penyenggaraan Bangunan Strata Dan Pemurnian Fail Meja COB

Unit Sokongan Teknikal telah mengadakan Kursus Penyenggaraan Bangunan Strata dan Pemurnian Fail Meja COB yang diadakan selama dua hari bermula dari 9 hingga 10 November 2017 di kemudahan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Dan Teknologi JKR (CREaTE), Alor Gajah Melaka. Majlis perasmian kursus telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Muhamad Bin Musa, Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPPT dan seramai 42 orang Pegawai COB, Penolong COB atau juruteknik di setiap COB PBT telah hadir di sepanjang kursus.

Antara tajuk ceramah yang diadakan adalah seperti berikut;

1. Penyenggaraan dan Kaedah Pembaikan Lif

2. Pengenalan Pemeriksaan Forensik Bangunan
  - Penceramah dari Bah Perkhidmatan Forensik, Caw Kej Awam dan Struktur, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
3. Penyenggaraan dan Kaedah Pembaikan Bumbung/Tandas Untuk Bangunan Bertingkat
  - Penceramah dari Sika Kimia Sdn Bhd
4. Fail meja
  - Penceramah dan fasilitator dari INTAN Bukit Kiara



Gambar peserta kursus



Ucapan perasmian oleh YBhg Dato' Muhamad Bin Musa, Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPPT



Suasana peserta semasa kursus



## Aktiviti Unit Penguatkuasaan Bagi Laporan Tahunan COB PBT 2017

Unit Penguatkuasa, Cawangan Pengurusan Strata yang ditubuhkan melalui Waran Perjawatan Bil. S201 Tahun 2016 telah memulakan operasi pada pertengahan Tahun 2016 dengan kekuatan anggota Polis Diraja Malaysia seramai enam anggota.

Unit Penguatkuasa, Cawangan Pengurusan Strata

menjalankan fungsi untuk membantu Pesuruhjaya Bangunan mengambil tindakan penguatkuasaan, menyemak dan menambahbaik Akta 757, peraturan-peraturan dan garis panduan berkaitan penguatkuasaan serta memantau penguatkuasaan Akta 757 dan peraturan-peraturan berkaitan. Berikut adalah beberapa fungsi yang telah dijalankan:

OPS AKTA 757 UNIT PENGUATKUASA (CPS) BERSAMA COB MBPJ DI PERBADANAN PENGURUSAN SRI AMAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH PETALING JAYA, SELANGOR PADA 27 JANUARI 2017



ADUAN BERKAITAN TERDAPAT HALANGAN DARIPADA BEBERAPA STAFF JMB TERHADAP PIHAK COB BAGI MENJALANKAN PEMERIKSAAN AKAUN PERBADANAN PENGURUSAN






OPS AKTA 757 UNIT  
PENGUATKUASA (CPS)  
BERSAMA COB MPAJ DI BADAN  
PENGURUSAN BERSAMA  
ASTRIA & AYERS TOWER,  
TAMAN KOSAS, AMPANG,  
SELANGOR  
PADA 14 FEBRUARI 2017



ADUAN BERKAITAN AKAUN PENYELENGGARAAN, PENGURUSAN JMB DAN ISU SALAH LAKU PENGURUSAN JMB  
BERKENAAN KEHILANGAN WANG BERJUMLAH RM 70,000.00 SERTA TERDAPAT HALANGAN DARIPADA PIHAK JMB  
TERHADAP COB BAGI MENJALANKAN PEMERIKSAAN DAN SIASATAN



OPS AKTA 757 UNIT PENGUATKUASA (CPS) DI GALAXY AMPANG MALL,  
AMPANG, SELANGOR PADA 05 OKTOBER 2017



Tindakan yang diambil dari sudut perundangan ke atas pesalah – pesalah berlandaskan peruntukan Akta 757 yang mana motif utama adalah untuk mendidik masyarakat serta komuniti mengenai tindakan penguatkuasaan telah pun mula dijalankan. Tindakan ini memberi impak dan pengajaran kepada komuniti

dan masyarakat supaya menjadikan pesalah yang telah diambil tindakan sebagai contoh dan menyedarkan masyarakat amalan yang salah supaya dapat diperbetul dan diperkemas dari segi aspek pengurusan, kewangan dan lain-lain.

## Aktiviti Unit Auditan

### 1. BENGKEL PEMURNIAN GARIS PANDUAN TATACARA PEROLEHAN BADAN PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA – 20 HINGGA 21 FEBRUARI 2017

Unit Auditan, Cawangan Pengurusan Strata telah menganjurkan 4 kursus/bengkel sepanjang tahun 2017. Bengkel/kursus pertama ini telah di adakan pada 20 Februari 2017 sehingga 21 Februari 2017 di Dewan Kristal, KPPT. Seramai 71 orang peserta dari semua kategori COB telah terlibat untuk mengikuti bengkel tersebut.

Tujuan bengkel/kursus ini di adakan adalah untuk membincangkan dan menambahbaik garis panduan dan kaedah perolehan yang komprehensif bagi kegunaan pihak pengurusan bangunan berstrata. Bengkel ini telah dibantu oleh 2 orang penceramah yang merupakan pakar dalam bidang pengurusan bangunan berstrata.

### 2. BENGKEL PENYEDIAAN SOP KEWANGAN JMB/MC Siri 1/2017 & Siri 2/2017 – 19 SEPTEMBER 2017 & 31 OKTOBER 2017

Bengkel/kursus kedua dan ketiga iaitu BENGKEL PENYEDIAAN SOP KEWANGAN JMB/MC Siri 1/2017 dan Siri 2/2017 telah di adakan pada 19 September 2017 dan 31 Oktober 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat ICT, Aras 27 KPPT. Seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada penolong akauntan yang terpilih dari kategori 1 hingga 3 COB telah terlibat untuk menjayakan bengkel ini.

Tujuan bengkel/kursus ini di adakan adalah untuk membincangkan dan menyediakan SOP Kewangan yang komprehensif bagi kegunaan pihak pengurusan bangunan berstrata (JMB/MC) serta pegawai COB sendiri.

### 3. KURSUS AUDITAN & KEWANGAN BADAN PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA 2017 – PERAKAUNAN FORENSIK (ASAS) – 5 NOVEMBER 2017 – 7 NOVEMBER 2017

Bengkel/kursus keempat iaitu KURSUS AUDITAN & KEWANGAN BADAN PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA 2017 – PERAKAUNAN FORENSIK (ASAS) telah di adakan pada 5 November 2017 sehingga 7 November 2017 bertempat di Auditorium Majlis Bandaraya Melaka. Seramai 71 orang peserta dari semua kategori COB telah terlibat untuk mengikuti bengkel tersebut.

Tujuan bengkel/kursus ini di adakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada peserta mengenai perakaunan forensic (asas) bagi kegunaan peserta dalam menyemak dan menyiasat kewangan pihak pengurusan bangunan berstrata

## Lampiran 1

### Jadual 1 • Keterangan Jenis Kesalahan mengikut Seksyen yang diperuntukan dalam Akta 757

Bil.	Seksyen	Perkara/Kesalahan
1	Seksyen 6(6)	Kegagalan untuk memfailkan sesalinan jadual petak dengan Pesuruhjaya di bawah subseksyen 6(1), 6(2) atau 6(5) Akta 757.
2	Seksyen 6(7)	Menyediakan perakuan palsu atau fraud pada jadual petak
3	Seksyen 9(5)	Kegagalan dalam menjalankan kewajipan dan kuasa pemaju semasa tempoh pengurusan pemaju
4	Seksyen 10(7)	Kesalahan berkaitan penubuhan akaun penyenggaraan
5	Seksyen 11(7)	Kesalahan berkaitan penubuhan akaun wang penjelas
6	Seksyen 12(9)	Kegagalan pemaju membayar caj dan caruman kepada akaun wang penjelas (bagi unit yang belum dijual)
7	Seksyen 13(3)	Kesalahan berkaitan pungutan wang sebelum akaun dibuka
8	Seksyen 14(5)	Kegagalan pemaju menjalankan kewajipan berhubung dengan akaun
9	Seksyen 15(4)	Kegagalan pemaju melakukan penyerahan pengurusan kepada Badan Pengurusan Bersama
10	Seksyen 18(2)	Kegagalan pemaju untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama bagi penubuhan JMB
11	Seksyen 26(5)	Kegagalan Ahli Jawatankuasa JMB menjalankan kewajipan berhubung dengan akaun
12	Seksyen 27(4)	Kegagalan ahli jawatankuasa JMB membubarkan badan dan melakukan serahan pengurusan kepada Perbadanan Pengurusan
13	Seksyen 29(3)	Kegagalan pemaju untuk menyerahkan akaun yang diaudit dan diluluskan semasa tempoh pengurusannya
14	Seksyen 30(2) atau (3)	Kegagalan oleh pemaju/ahli Jawatankuasa JMB untuk menyediakan daftar pemunya petak

Bil.	Seksyen	Perkara/Kesalahan
15	Seksyen 34(3)	Kegagalan pembeli / pemunya petak mematuhi notis yang menuntut pembayaran jumlah wang yang kena bayar dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh notis diterima
16	Seksyen 48(4)	Kegagalan pemaju menjalankan kewajipan untuk menyenggara dan mengurus sesuatu kawasan pemajuan yang dipecah bahagi
17	Seksyen 49(3)	Kegagalan pemaju mematuhi sekatan sewaktu tempoh permulaan
18	Seksyen 50(4)	Kegagalan oleh pemaju untuk menubuhkan suatu akaun penyenggaraan atas nama Perbadanan Pengurusan
19	Seksyen 51(1) atau 51(2)	Kegagalan oleh pemaju untuk menubuhkan suatu akaun wang penjelas atas nama Perbadanan Pengurusan
20	Seksyen 53(3)	Kegagalan mematuhi larangan pemungutan wang sebelum akaun dibuka dan milikan kosong diserahkan
21	Seksyen 54(5)	Kegagalan oleh pemaju untuk menjalankan kewajipan pemaju berhubung dengan akaun
22	Seksyen 55(4)	Kegagalan oleh pemaju untuk melakukan penyerahan kepada Perbadanan Pengurusan
23	Seksyen 57(2)	Kegagalan pemaju untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama bagi Perbadanan Pengurusan
24	Seksyen 62(5)	Kegagalan oleh Perbadanan Pengurusan untuk menjalankan kewajipan berhubung dengan akaun
25	Seksyen 72(2) atau (3)	Kegagalan oleh pemaju/Perbadanan Pengurusan untuk menyediakan daftar strata
26	Seksyen 78(3)	Kegagalan pemilik mematuhi notis yang menuntut pembayaran jumlah wang yang kena bayar dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh notis diterima
27	Seksyen 89(5)	Kegagalan ejen pengurusan menjalankan kewajipannya

Bil.	Seksyen	Perkara/ Kesalahan
28	Seksyen 91(2)	Kegagalan ejen pengurusan mengemukakan akaun kepada Pesuruhjaya selepas penamatan perjanjian pengurusan
29	Seksyen 92(6)	Kegagalan pemaju membayar deposit untuk membaiki kecacatan harta bersama
30	Seksyen 123	Kegagalan mematuhi suatu award yang dibuat oleh tribunal
31	Seksyen 126(7)	Kegagalan bekerjasama dengan pihak Pesuruhjaya dan cubaan memusnahkan dokumen yang telah dilakukannya
32	Seksyen 133	Melakukan halangan terhadap Pesuruhjaya dalam menjalankan tugasnya
33	Seksyen 134(3)	Kegagalan untuk menyediakan terjemahan yang tepat, benar dan jujur
34	Seksyen 151(2)	Kegagalan mematuhi terma dan sesuatu syarat pengecualian yang diputuskan oleh Menteri

**Jadual 2 • Kesalahan-Kesalahan Di Bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata  
(Penyenggaraan & Pengurusan) 2015**

Bil.	Kesalahan	Perkara/ Kesalahan
1	Peraturan 6(5)	Kegagalan pemaju menyediakan jadual petak
2	Peraturan 7(4)	Kegagalan pemaju memfailkan dengan Pesuruhjaya, jadual petak yang dipinda sebagaimana dikehendaki di bawah subseksyen 6(2) dan 6(3) Akta.
3	Peraturan 9(7)	Kegagalan mana-mana orang menyediakan unit syer yang diumpukan dalam masa 90 hari dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta atau mana-mana lanjutan masa yang diberikan oleh Pesuruhjaya
4	Peraturan 9(8)	Kegagalan mana-mana orang yang mengganggu atau menghalang, menggalang atau melambatkan tugas-tugas juruukur berlesen
5	Peraturan 19(2)	Kegagalan pemaju/Badan Pengurusan Bersama menyediakan 'certificate of amount payable'

Bil.	Kesalahan	Perkara/ Kesalahan
6	Peraturan 21(5)	Kegagalan mana-mana orang menyediakan perjanjian, bon dan fail perjanjian dan bon kepada Pesuruhjaya Bangunan berkenaan pelantikan pengurusan pihak ketiga
7	Peraturan 25(3)	Kegagalan Sub – MC mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama
8	Peraturan 30(2)	Kegagalan Badan Pengurusan (MC) / Sub MC menyediakan 'certificate of amount payable'
9	Peraturan 32(5)	Kegagalan mana-mana orang menyediakan perjanjian, bon dan fail perjanjian dan bon kepada Pesuruhjaya Bangunan berkenaan pelantikan pengurusan pihak ketiga
10	Peraturan 34(2)	Kegagalan JMB/MC/Sub-MC mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan
11	Peraturan 43(5)	Kegagalan mana-mana orang menyediakan perjanjian, bon dan fail perjanjian dan bon kepada Pesuruhjaya Bangunan berkenaan pengurus pihak ketiga yang dilantik oleh Pesuruhjaya dalam tempoh 14 hari dari tarikh lantikannya
12	Peraturan 44(3)	Kegagalan pihak ketiga menyerah simpan bon dengan pesuruhjaya
13	Peraturan 63(2)	Kegagalan mana-mana pembeli petak, pemunya petak, pemilik atau penghuni petak yang terlibat memberi akses kepada orang atau badan yang menjalankan pemeriksaan menurut subperaturan (1)
14	Peraturan 70	Mana-mana orang membuat kesalahan dengan membantu, bersubahat, menasihat atau mengarahkan pelakuan apa-apa kesalahan di bawah peraturan-peraturan ini

## Lampiran 2

**Jadual 3 • Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkusa Tempatan Kategori 1**

Bil.	COB PBT Kategori 1	Bil. Kawasan Pemajuan	Bil. Dan Peratusan (%) JMB/MC	
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	5,808	3,739	(64%)
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	552	486	(88%)
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1,292	945	(73%)
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	613	352	(57%)
5	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	833	566	(68%)
6	Majlis Perbandaran Selayang	288	214	(74%)
7	Majlis Perbandaran Seremban	295	215	(73%)
8	Majlis Bandaraya Johor Bahru	966	235	(24%)
9	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1,161	458	(39%)
10	Majlis Perbandaran Seberang Perai	1,063	358	(34%)
11	Majlis Perbandaran Kajang	1,836	402	(22%)
12	Majlis Perbandaran Klang	1,662	147	(9%)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>16,369</b>	<b>8,117</b>	<b>(50%)</b>

**Jadual 4 • Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 1**  
**Bilangan Dan Jenis Aduan yang Diterima Oleh COB PBT Kategori 1**

Bil.	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	Jenis Aduan						Jumlah Terima	Jumlah Selesai	
			Mesyuarat dan Pemilihan	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerjasama	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Penguatkuasaan COB			
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	966	0	2	2	5	9	0	0	18	16
2	Majlis Perbandaran Seremban	295	0	15	21	1	0	0	4	41	41
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1,292	161	180	394	240	41	0	0	1,016	1,016
4	Majlis Perbandaran Seberang Perai	1,063	33	38	164	24	177	0	90	526	526
5	Majlis Bandaraya Shah Alam	552	19	112	204	81	102	23	67	608	608
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	833	86	156	241	105	47	15	107	757	755
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	613	81	226	359	94	544	2	0	1,306	1,306
8	Majlis Perbandaran Kajang	1,836	24	202	260	151	573	62	10	1,282	1,282
9	Majlis Perbandaran Klang	1,662	48	98	46	17	83	1	0	293	290
10	Majlis Perbandaran Selayang	288	5	34	77	6	36	0	153	311	311
11	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1,161	54	66	478	26	28	0	54	706	706
12	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	5,808	2,622	1,199	948	653	385	330	583	6,720	6,720
<b>JUMLAH</b>		<b>16,369</b>	<b>3,133</b>	<b>2,328</b>	<b>3,194</b>	<b>1,403</b>	<b>2,025</b>	<b>433</b>	<b>1,068</b>	<b>13,584</b>	<b>13,577</b>
<b>PERATUSAN %</b>		-	23%	17%	24%	10%	15%	3%	8%		



**Jadual 5 • Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 1 (Akta 757)**

Bil.	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	Jenis Penguatkuasaan																
			Seksyen 6(6)	Seksyen 6(7)	Seksyen 9(5)	Seksyen 10(7)	Seksyen 11(7)	Seksyen 12(9)	Seksyen 13(3)	Seksyen 14(5)	Seksyen 15(4)	Seksyen 18(2)	Seksyen 26(5)	Seksyen 27(4)					
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	966	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
2	Majlis Perbandaran Seremban	295	-	-	-	-	-	-	-	3	-	-	-	-	-	-	-		
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1,292	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
4	Majlis Perbandaran Seberang Perai	1,063	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
5	Majlis Bandaraya Shah Alam	552	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	833	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	613	2	-	-	-	-	-	-	-	7	-	-	-	-	-	-		
8	Majlis Perbandaran Kajang	1,836	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
9	Majlis Perbandaran Klang	1,662	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
10	Majlis Perbandaran Selayang	288	10	10	-	10	10	10	10	-	-	-	-	-	-	-	-		
11	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1,161	-	-	-	-	-	-	-	-	7	10	65	-	-	-	-		
12	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	5,808	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15	-	-	-	-		
<b>JUMLAH</b>			<b>16,369</b>	<b>12</b>	<b>10</b>	<b>0</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>15</b>	<b>80</b>	<b>0</b>	<b>52</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	
<b>PERATUSAN %</b>			-	0.15%	0.12%	0.00%	0.12%	0.12%	0.12%	0.12%	0.04%	0.00%	0.18%	0.97%	0.00%	0.00%	0.63%	0.06%	0.00%

Bil.	Nama PBT		Jenis Penguatkuasaan															
			Seksyen 29(3)	Seksyen 30(2)@30(3)	Seksyen 34(3)	Seksyen 48(4)	Seksyen 49(3)	Seksyen 50(4)	Seksyen 51(1)@51(2)	Seksyen 53(3)	Seksyen 54(5)	Seksyen 55(4)	Seksyen 57(2)	Seksyen 62(5)				
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
